



UB 19.2.2019 84  
 MANUSIA diertikan sebagai hamba Allah kerana manusia merupakan salah satu ciptaan Allah SWT, makhluk yang diciptakan memiliki akal fikiran yang sihat, hal itulah yang membezakan manusia dengan makhluk lainnya. Bumi adalah tempat yang diciptakan Allah untuk dijaga kelestariannya oleh manusia. Manusia memerlukan alam, sebagai contohnya kita memerlukan oksigen dari alam untuk bernafas, kita juga memerlukan tumbuhan, sayur-sayuran, ikan, air dan lain-lain untuk kelangsungan hidup. Manusia adalah makhluk yang diciptakan memiliki naluri untuk menentukan apa yang ingin dilakukan, contohnya jika manusia itu lapar maka dia akan makan.

Manusia juga diciptakan sebagai Makhluk Sosial. Hal ini bermakna manusia memiliki keperluan dan kebiasaan untuk berkomunikasi dan

berinteraksi dengan manusia lainnya. Dalam hidup bersama atau bermasyarakat, setiap manusia menempati status atau kedudukan tertentu, bila ada yang di atas maka ada juga yang di bawah. Walaupun berbeza status, setiap manusia tetap memerlukan antara satu sama lain, memiliki dunia yang sama, memiliki tujuan hidup yang sama. Melalui hidup bersama menyebabkan manusia dapat menumbuhkan rasa kebersamaan kerana itulah yang harus ditanamkan kepada setiap diri manusia.

Di dalam diri manusia terdapat unsur-unsur alam, ada unsur tumbuh-tumbuhan yang tumbuh dan bergerak, ada unsur haiwan dengan memiliki nafsu, kemampuan bergerak, naluri dan sebagainya. Walaupun manusia memiliki sifat yang tidak jauh dari makhluk lainnya namun tetap, manusia lebih baik daripada makhluk yang lain. Secara fizikalnya manusia lebih baik,

lebih indah, lebih sempurna. Oleh sebab itu mengapa manusia dinyatakan makhluk ciptaan Allah yang lebih sempurna berbanding makhluk lain.

Sebagai ciptaan Allah yang lebih sempurna sudah tentu membuat manusia memiliki hubungan erat dengan Tuhan. Sudah menjadi kewajiban manusia untuk menjalankan segala perintahnya seperti beribadah, menjaga alam, baik kepada sesama manusia, saling tolong menolong dalam hal kebaikan.

Menjaga alam merupakan salah satu hakikat manusia sebagai makhluk Tuhan. Manusia dan alam sangat berkait rapat, tentu saja manusia sangat memerlukan alam untuk menjalani kehidupan. Setiap saat kita sebagai makhlukNya memerlukan oksigen untuk bernafas. Betapa besarnya kekuasaan Tuhan menciptakan udara dan kita dapat menghirupnya dengan

bebas, bayangkan jika oksigen ini harus kita bayar, seakan tidak cukup harta untuk kita membayar oksigen ini. Lalu mengapa dengan mudahnya kita masih mencemari udara bebas ini? Hutan atau pokok-pokok merupakan ciptaan Tuhan, begitu indah dilihat, membawa kesejukan. Namun begitu mengapa masih banyak berlakunya penebangan hutan secara haram? Air adalah ciptaan Tuhan selanjutnya yang merupakan keperluan manusia untuk hidup. Manusia memerlukan air untuk minum, mandi, dan kegiatan lainnya. Betapa manusia sangat memerlukan air. Jika demikian, mengapa masih banyak berita buruk tentang air yang masih terdengar? Air keruh, air yang mengandungi sisa kumuhan, pencemaran, banjir yang diakibatkan kelalaian manusia, bahkan kemarau kontang. Tidakkah manusia sebagai makhluk berakal sedar dengan perbuatan mereka. Kita telah

diajar semenjak sekolah rendah untuk hidup secara bersih, membuang sampah ke tong sampah, namun begitu mengapa masih banyak sampah sarap yang merata di luar rumah, di taman, di jalan-jalan dan sebagainya.

Akhir-akhir ini kita dikejutkan dengan beberapa tempat mengalami banjir yang teruk sehinggakan meragut nyawa. Mengapa bencana banjir mengambil masa yang lama sampai berhari-hari untuk surut? Adakah ia berpunca daripada kelalaian manusia yang membuat longkang dalam keadaan yang sempurna? Adakah saluran longkang-longkang tadi dipenuhi dengan sampah sarap? Kebiasaannya membuang sampah sembarangan yang menyebabkan berlakunya banjir, sedarkah manusia semua bencana alam adalah angkara manusia itu sendiri. Lalu mengapa masih banyak manusia yang menyalahkan Tuhan?

Justeru itu sebagai seorang yang cerdik harus melihat peranan semua makhluk yang dijadikan Allah untuk kembali menginsafi diri bahawa manusia adalah tidak sempurna hidupnya melainkan hanya orang yang menjaga dirinya dan beramal untuk bekalan sesudah mati. Dan orang yang lemah ialah orang yang menuruti hawa nafsunya tetapi ia mengharapkan berbagai-bagai harapan daripada Allah SWT. Justeru itu dengan kewujudan ramai intelektual dan berfikir secara terbuka maka idea yang lebih realistik dan rasional perlu diberikan keutamaan walaupun datangnya dari seorang remaja mahupun pelajar dari desa demi meningkatkan kefungsiannya manusia dan menjaga keindahan alam. Semoga bencana alam yang diturunkan Allah bisa menyedarkan manusia betapa lemahnya manusia di sisi Allah.  
 \* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP Universiti Malaysia Sabah